



PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH PINDAAN 2024

UNIVERSITI ISLAM SELANGOR

**PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH
UNIVERSITI ISLAM SELANGOR (PINDAAN 2024)**

BAHAGIAN	HALAMAN
BAHAGIAN 1 : TAFSIRAN	1
BAHAGIAN 2 : TAHUN AKADEMIK	4
BAHAGIAN 3 : KREDIT AKADEMIK	5
BAHAGIAN 4 : KELAYAKAN KEMASUKAN	6
BAHAGIAN 5 : PENDAFTARAN PELAJAR	9
BAHAGIAN 6 : YURAN DAN DENDA	11
BAHAGIAN 7 : TEMPOH, JENIS DAN STRUKTUR PENGAJIAN	13
BAHAGIAN 8 : PERTUKARAN PROGRAM, MOD PENAWARAN DAN KAEDAH PENGAJIAN	14
BAHAGIAN 9 : PENANGGUHAN PENGAJIAN	15
BAHAGIAN 10 : BERHENTI PENGAJIAN	16
BAHAGIAN 11 : PRASYARAT, PENAMBAHAN DAN PENGGUGURAN KURSUS	17
BAHAGIAN 12 : KEHADIRAN AKADEMIK	18
BAHAGIAN 13 : CADANGAN PENYELIDIKAN DAN PENYELIAAN AKADEMIK	19
BAHAGIAN 14 : PEPERIKSAAN	23
BAHAGIAN 15 : PENYERAHAN TESIS, DISERTASI DAN PELAKSANAAN PEPERIKSAAN LISAN (VIVA VOCE)	26
BAHAGIAN 16 : SISTEM PENILAIAN	27
BAHAGIAN 17 : PENILAIAN AKADEMIK	28
BAHAGIAN 18 : TARAF KEDUDUKAN	32
BAHAGIAN 19 : RAYUAN AKADEMIK	33
BAHAGIAN 20 : TATATERTIB AKADEMIK	34
BAHAGIAN 21 : PENGANUGERAHAN	36
BAHAGIAN 22 : PERUNTUKAN-PERUNTUKAN AM	38
LAMPIRAN 1 : SENARAI AHLI PENYEMAK	39

**PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH
UNIVERSITI ISLAM SELANGOR (PINDAAN 2024)**

Dengan kuasa yang diberikan di bawah Seksyen 4.4 Subseksyen (7) Perlembagaan Universiti Islam Selangor, maka Senat Universiti Islam Selangor membuat peraturan seperti berikut:-

**BAHAGIAN 1:
TAFSIRAN**

1.1 Peraturan ini dinamakan Peraturan Akademik Pascasiswazah Universiti Islam Selangor (Pindaan 2024) dan hendaklah berkuat kuasa dari tarikh ia diluluskan oleh Senat Universiti.

1.2 Peraturan ini terpakai kepada semua pelajar yang mengikuti program Sarjana dan Doktor Falsafah bagi penganugerahan Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah.

1.3 Dalam peraturan ini, beberapa perkataan membawa maksud seperti berikut:

“Ahli Lembaga Pengarah” ertinya Lembaga Pengarah Syarikat;

“Ahli Lembaga Pengelola” ertinya Lembaga Pengelola Universiti yang ditubuhkan di bawah Seksyen 4.2 Perlembagaan Universiti Islam Selangor;

“Dekan/ Pengarah” ertinya pegawai akademik yang dilantik oleh Naib Canselor untuk mengetuai sebuah Fakulti/ Pusat/ Institut;

“Dihalang” ertinya status yang diberikan kepada pelajar yang gagal memenuhi peratus kehadiran kuliah yang ditetapkan pada satu jumlah yang ditentukan;

“Disertasi” ertinya penyelidikan asli yang disediakan oleh pelajar bagi penganugerahan Ijazah Sarjana atau Ijazah Doktor Falsafah mod Campuran;

“Fakulti/ Pusat/ Institut” ertinya mana-mana entiti akademik yang ditubuhkan di bawah Seksyen 4.6 Perlembagaan Universiti Islam Selangor yang bertanggungjawab dalam mengendalikan pelajar di bawahnya;

“Himpunan Purata Nilai Gred (HPNG)” ertinya nilai pencapaian pelajar pada sesuatu keseluruhan sesi pengajian yang dikira seperti berikut:

$$\text{HPNG} = \frac{\text{Jumlah Nilai Gred Keseluruhan Sesi Pengajian}}{\text{Jumlah Jam Kredit Keseluruhan Sesi Pengajian}}$$

“Jam Kredit” ertinya pengukur kuantitatif yang melambangkan volum atau beban dalam unit jam pembelajaran bagi mencapai hasil pembelajaran yang ditetapkan;

“Jawatankuasa Pengajian Siswazah” ertinya jawatankuasa yang dilantik oleh Senat Universiti Islam Selangor;

“Jawatankuasa Peperiksaan Lisan” ertinya jawatankuasa yang dilantik untuk mengendalikan proses peperiksaan lisan;

“Jawatankuasa Rayuan Semakan Keputusan Peperiksaan Lisan” ertinya jawatankuasa yang dilantik bertanggungjawab untuk meneliti rayuan pelajar berdasarkan justifikasi yang diberikan;

“Jawatankuasa Tatatertib Pelajar” ertinya jawatankuasa yang dilantik oleh Naib Canselor Universiti Islam Selangor;

“Kaedah Pengajian” ertinya pengajian secara sepenuh masa atau separuh masa;

“Kertas Projek” merujuk kepada dokumentasi komponen penyelidikan yang disediakan dan dikemukakan oleh calon dalam program kerja kursus;

**PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH
UNIVERSITI ISLAM SELANGOR (PINDAAN 2024)**

“Ketua Jabatan” ertinya pegawai akademik yang dilantik oleh Naib Canselor untuk membantu Dekan/ Pengarah dan mengetuai jabatan di bawah Fakulti/ Pusat/ Institut;

“Ketua Pascasiswazah” ertinya pegawai akademik yang dilantik oleh Naib Canselor untuk membantu Dekan/ Pengarah dan menguruskan program-program pascasiswazah di Fakulti/ Pusat/ Institut;

“Ketua Pengawas Peperiksaan” ertinya pegawai akademik yang dilantik bagi mengetuai dan mengendalikan sesuatu sesi peperiksaan;

“Ketua Program” ertinya pegawai akademik yang dilantik oleh Naib Canselor untuk membantu Ketua Pascasiswazah dalam menguruskan program-program pascasiswazah di Fakulti/ Pusat/ Institut;

“Kursus” ertinya mata pelajaran atau semua bentuk latihan seperti yang tersenarai dalam struktur pengajian bagi program pengajian;

“Laporan Kemajuan” ertinya laporan berkala kemajuan calon yang diserahkan kepada pihak Fakulti/ Pusat/ Institut;

“Mod Pengajian” ertinya pengajian secara kerja kursus, campuran atau penyelidikan;

“Naib Canselor” ertinya Ketua Eksekutif yang dilantik di bawah Seksyen 6.2 Perlembagaan Universiti Islam Selangor;

“Pelajar” ertinya pelajar yang berdaftar, selain daripada pelajar di institusi yang bersekutu dengan Universiti, yang sedang mengikuti kursus pengajian, pengajaran, latihan atau penyelidikan apa-apa perkara pada peringkat persediaan, sarjana muda, ijazah lanjutan atau lepasan kedoktoran secara sepenuh masa atau secara sambilan dalam, oleh atau dari Universiti dan termasuklah pengajian jarak jauh, luar kampus, pertukaran dan pelajar yang bukan berijazah atau pembelajaran atas talian;

“Pelajar Separuh Masa” ertinya pelajar yang mengikuti kaedah pengajian separuh masa;

“Pelajar Sepenuh Masa” ertinya pelajar yang mengikuti kaedah pengajian sepenuh masa;

“Panel Penilai” ertinya jawatankuasa yang dilantik oleh Fakulti/ Pusat/ Institut untuk menilai cadangan penyelidikan dan/ atau pemantapan draf akhir pelajar bagi program pascasiswazah secara penyelidikan;

“Pemeriksa Dalam” ertinya pakar bidang yang berkelayakan dari Universiti yang dilantik oleh Pusat Pengajian Siswazah berdasarkan cadangan Fakulti/ Pusat/ Institut dan diluluskan oleh Senat untuk memeriksa tesis atau disertasi pelajar;

“Pemeriksa Kedua” ertinya seseorang atau beberapa pegawai akademik yang dilantik oleh Fakulti/ Pusat/ Institut bagi membuat semakan semula buku jawapan peperiksaan, kerja kursus dan latihan ilmiah/ kertas projek/ projek tahun akhir pelajar sesuatu sesi pengajian;

“Pemeriksa Luar” ertinya pakar bidang yang berkelayakan dari luar Universiti yang dilantik oleh Pusat Pengajian Siswazah berdasarkan cadangan Fakulti/ Pusat/ Institut dan diluluskan oleh Senat untuk memeriksa tesis atau disertasi pelajar;

“Pendaftar” ertinya pegawai utama Pejabat Pendaftar yang dilantik di bawah Seksyen 6.5 (1) Perlembagaan Universiti Islam Selangor;

“Pendaftaran Kursus” ertinya pendaftaran kursus-kursus yang didaftarkan oleh pelajar pada setiap semester pengajian;

“Penyelia Bersama” ertinya pegawai akademik atau industri yang dilantik oleh Pusat Pengajian Siswazah untuk membantu Penyelia Utama;

“Penyelia Utama” ertinya pegawai akademik dari Universiti Islam Selangor yang dilantik oleh Pusat Pengajian Siswazah untuk menyelia, memantau kemajuan dan penulisan tesis atau disertasi pelajar;

**PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH
UNIVERSITI ISLAM SELANGOR (PINDAAN 2024)**

“Peperiksaan” ertinya ujian bertulis atau lisan atau penilaian atau sebarang tugas atau kerja-kerja bertulis yang perlu dilakukan oleh pelajar;

“Peperiksaan Lisan (*viva voce*)” ertinya pembentangan secara lisan oleh pelajar bagi mempertahankan tesis atau disertasi di hadapan Jawatankuasa Peperiksaan Lisan;

“Plagiat” ertinya satu perbuatan meniru, memalsukan, membentang, memetik, menyalin, memparafrasa atau menyebarkan idea, imej, proses, karya, data, perkataan orang lain dalam apa jua bentuk atau sumber tanpa memberi perakuan, rujukan atau petikan yang betul kepada sumbernya;

“Prasyarat” ertinya kursus yang ditentukan oleh Fakulti/ Pusat/ Institut yang perlu disempurnakan oleh pelajar untuk membolehkannya mengambil kursus di peringkat seterusnya;

“Program Pengajian” ertinya kelompok kursus dan/ atau latihan yang dilaksanakan seperti yang tersenarai dalam struktur pengajian bagi memenuhi syarat untuk penganugerahan Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah;

“Purata Nilai Gred (PNG)” ertinya nilai pencapaian pelajar pada sesuatu sesi pengajian yang dikira seperti berikut:-

$$\text{PNG} = \frac{\text{Jumlah Nilai Gred Sesi Pengajian}}{\text{Jumlah Jam Kredit Sesi Pengajian}}$$

“Semester” ertinya petunjuk bagi kedudukan pengajian pelajar;

“Senat” ertinya Senat Universiti yang ditubuhkan di bawah Seksyen 4.4 Perlembagaan Universiti Islam Selangor;

“Sesi Pengajian” ertinya sesi pengajian bagi sesuatu tahun akademik Universiti;

“Tahun Akademik” ertinya tempoh bagi setahun pengajian akademik Universiti;

“Tesis” ertinya penyelidikan asli yang disediakan oleh pelajar bagi penganugerahan Ijazah Sarjana dan/ atau Ijazah Doktor Falsafah mod Penyelidikan;

“Timbalan Dekan/ Pengarah” ertinya pegawai akademik yang dilantik oleh Naib Canselor untuk membantu Dekan/ Pengarah dalam kerja-kerja Fakulti/ Pusat/ Institut.

“Timbalan Naib Canselor” ertinya Timbalan Ketua Eksekutif yang dilantik di bawah Seksyen 6.3 Perlembagaan Universiti Islam Selangor;

“Universiti” ertinya Universiti Islam Selangor yang ditubuhkan di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555);

“Yuran” ertinya pembayaran tertentu yang dikenakan kepada pelajar yang berdaftar di Universiti sepertimana dinyatakan di Bahagian 6 peraturan ini.

**PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH
UNIVERSITI ISLAM SELANGOR (PINDAAN 2024)**

**BAHAGIAN 2:
TAHUN AKADEMIK**

- 2.1 Tahun Akademik Universiti dibahagikan kepada tiga (3) sesi yang dinamakan sesi I, sesi II dan sesi III.
- 2.2 Perubahan tempoh perkuliahan dalam satu-satu sesi boleh dilakukan dengan kelulusan Senat Universiti.

**BAHAGIAN 3:
KREDIT AKADEMIK**

3.1 Jam Kredit dan Tempoh Minimum

3.1.1 Jam kredit minimum bagi program Ijazah Sarjana adalah seperti berikut:

- a) Kaedah Kerja Kursus: minimum empat puluh (40) jam kredit;
- b) Kaedah Penyelidikan: tiada jam kredit bergraduasi ditetapkan; dan
- c) Kaedah Campuran: minimum empat puluh (40) jam kredit termasuk penyelidikan.

3.1.2 Jam kredit dan tempoh minimum bagi program Ijazah Doktor Falsafah adalah seperti berikut:

- a) Mod Penyelidikan: tiada jam kredit bergraduasi ditetapkan; dan
- b) Mod Campuran: minimum lapan puluh (80) jam kredit termasuk penyelidikan.

3.2 Nisbah Kerja Kursus dan Disertasi

Nisbah kerja kursus dan disertasi ditentukan oleh Universiti berdasarkan ketetapan nisbah dalam Standard Ijazah Sarjana dan Kedoktoran.

3.3 Komponen Kursus

3.3.1 Pelajar wajib mengikuti komponen kursus seperti berikut:

- a) Kursus Teras iaitu kursus yang wajib diambil oleh pelajar dalam struktur pengajian sesuatu program yang ditetapkan oleh Universiti; dan/ atau
- b) Kursus Elektif iaitu kursus yang dipilih oleh pelajar dari senarai yang ditetapkan dalam sesuatu program berkenaan dan menyumbang kepada pengumpulan jam kredit bergraduasi; dan/ atau
- c) Kursus Audit iaitu kursus yang diambil untuk penambahan ilmu dengan persetujuan Ketua Pascasiswazah. Kursus audit tidak melibatkan pengiraan HPNG tetapi perlu didaftarkan untuk catatan dalam penyata keputusan peperiksaan dan transkrip pelajar; dan/ atau
- d) Mengikut ketetapan standard pengajian yang berkaitan.

3.4 Keperluan Bahasa

3.4.1 Semua pelajar antarabangsa pascasiswazah perlu menggunakan syarat minimum kemasukan untuk bahasa Inggeris yang telah ditetapkan oleh standard pengajian masing-masing dan/ atau pekeliling dari Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

**PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH
UNIVERSITI ISLAM SELANGOR (PINDAAN 2024)**

**BAHAGIAN 4:
KELAYAKAN KEMASUKAN**

- 4.1 Syarat Kelayakan Kemasukan Program Ijazah Sarjana (mod Penyelidikan) adalah:
- 4.1.1 Lulus Ijazah Sarjana Muda dalam bidang atau bidang berkaitan dengan mendapat minimum HPNG 2.75 atau setara yang diterima oleh Senat Universiti;
 - 4.1.2 Lulus Ijazah Sarjana Muda dalam bidang atau bidang yang berkaitan atau yang setara dengan mendapat minimum HPNG 2.50 dan diiktiraf oleh Senat Universiti, boleh diterima dan tertakluk kepada penilaian dalaman yang ketat;
 - 4.1.3 Lulus Ijazah Sarjana Muda dalam bidang atau bidang yang berkaitan dengan mendapat minimum HPNG 2.00 dan diiktiraf oleh Senat Universiti, boleh diterima dengan mempunyai pengalaman kerja dalam bidang berkaitan sekurang-kurangnya lima (5) tahun dan tertakluk kepada syarat penilaian dalaman yang ketat;
 - 4.1.4 Calon yang berkelayakan bukan dalam bidang berkaitan, mesti mengikuti kursus prasyarat yang ditentukan oleh Universiti dan menepati HPNG berdasarkan Perkara 4.1.1 hingga 4.1.3; atau
 - 4.1.5 Kelayakan-kelayakan lain seperti ketetapan standard program berkaitan.
- 4.2 Syarat Kelayakan Kemasukan Program Ijazah Sarjana (mod Kerja Kursus) adalah:
- 4.2.1 Lulus Ijazah Sarjana Muda dalam bidang atau bidang berkaitan dengan mendapat minimum HPNG 2.50 atau setara yang diterima oleh Senat Universiti;
 - 4.2.2 Lulus Ijazah Sarjana Muda dalam bidang atau bidang yang berkaitan dengan mendapat minimum HPNG 2.00 yang diiktiraf oleh Senat Universiti, boleh diterima dan tertakluk kepada syarat penilaian dalaman yang ketat;
 - 4.2.3 Calon yang berkelayakan bukan dalam bidang berkaitan dan tidak mempunyai pengalaman bekerja dalam bidang berkaitan mesti mengikuti kursus prasyarat yang ditentukan oleh Universiti dengan menepati HPNG berdasarkan Perkara 4.2.1 hingga 4.2.2; atau
 - 4.2.4 Kelayakan-kelayakan lain yang mengikut ketetapan standard program berkaitan.
- 4.3 Syarat Kelayakan Kemasukan Program Ijazah Sarjana (mod Campuran) adalah:
- 4.3.1 Lulus Ijazah Sarjana Muda dalam bidang atau bidang berkaitan dengan mendapat minimum HPNG 2.75 atau setara yang diiktiraf oleh Senat Universiti;
 - 4.3.2 Lulus Ijazah Sarjana Muda dalam bidang atau bidang yang berkaitan atau yang setara dengan mendapat minimum HPNG 2.50 dan diiktiraf oleh Senat Universiti, boleh diterima dan tertakluk kepada syarat kelayakan penilaian dalaman yang ketat;
 - 4.3.3 Lulus Ijazah Sarjana Muda dalam bidang atau bidang yang berkaitan dengan mendapat minimum HPNG 2.00 dan diiktiraf oleh Senat Universiti, boleh diterima dengan mempunyai pengalaman kerja dalam bidang berkaitan sekurang-kurangnya lima (5) tahun dan tertakluk kepada syarat penilaian dalaman yang ketat;
 - 4.3.4 Calon yang berkelayakan bukan dalam bidang berkaitan dan tidak mempunyai pengalaman bekerja dalam bidang berkaitan mesti mengikuti kursus prasyarat yang ditentukan oleh Universiti dengan menepati HPNG berdasarkan Perkara 4.3.1 hingga 4.3.2; atau
 - 4.3.5 Kelayakan-kelayakan lain seperti ketetapan standard program berkaitan.

**PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH
UNIVERSITI ISLAM SELANGOR (PINDAAN 2024)**

- 4.4 Syarat Kelayakan Kemasukan Program Doktor Falsafah (mod Penyelidikan) adalah:
- 4.4.1 Lulus Ijazah Sarjana dalam bidang atau bidang berkaitan dan diiktiraf oleh Senat Universiti;
 - 4.4.2 Kelayakan lain yang setara dengan Ijazah Sarjana yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia;
 - 4.4.3 Calon yang tidak berkelayakan dalam bidang berkaitan atau tidak mempunyai pengalaman pekerjaan dalam bidang berkaitan mesti mengikuti kursus prasyarat yang ditentukan oleh universiti; atau
 - 4.4.4 Calon Ijazah Sarjana Muda yang memenuhi syarat berikut:
 - i. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan lulus kelas pertama (HPNG 3.67 dan ke atas) atau setara dengan program akademik atau dari program TVET;
 - ii. Melalui penilaian dalaman; dan
 - iii. Menenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh universiti.
 - 4.4.5 Calon Ijazah Sarjana Muda yang mendaftar program Ijazah Sarjana boleh memohon untuk menukar ke program Doktor Falsafah dengan syarat berikut:
 - i. Memohon dalam tahun pertama pengajian bagi program sepenuh masa dan dalam tempoh dua (2) tahun bagi program separuh masa;
 - ii. Menunjukkan kecekapan dan keupayaan dalam menjalankan kajian di peringkat ijazah kedoktoran melalui penilaian dalaman yang ketat oleh universiti; dan
 - iii. Diluluskan oleh Senat Universiti.
 - 4.4.6 Kelayakan-kelayakan lain yang mengikut ketetapan standard program berkaitan.
- 4.5 Ijazah Doktor Falsafah secara Retrospektif atau Penerbitan
- 4.5.1 Pemohon mesti terlebih dahulu mempunyai penerbitan yang menyumbang kepada kesedaran ilmu dalam bidang masing-masing dan diiktiraf oleh rakan akademik. Permohonan rasmi mesti dikemukakan kepada UIS dan ia termasuk:
 - i. Sekurang-kurangnya lima (5) penerbitan atau karya yang setara selaras dengan tema pengkhususan;
 - ii. Ringkasan eksekutif berkaitan dengan tajuk-tajuk penerbitan di atas untuk menunjukkan sumbangan pemohon kepada pengetahuan di dalam bidang tersebut; dan
 - iii. Senarai karya ilmiah yang telah diterbitkan.
 - 4.5.2 Jawatankuasa pemilihan mestilah dilantik bagi menyemak permohonan rasmi untuk Ijazah Doktor Falsafah secara Retrospektif atau Penerbitan terdahulu serta mengesyorkan urusan berkaitan kemasukan kepada Senat.
 - 4.5.3 Penguasaan bahasa minimum calon perlu ditentukan oleh PPT selaras dengan standard program yang diguna pakai atau berdasarkan keperluan program iaitu, hasil pembelajaran dan bahasa pengantar.

**PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH
UNIVERSITI ISLAM SELANGOR (PINDAAN 2024)**

- 4.6 Syarat Kelayakan Kemasukan Program Ijazah Doktor Falsafah (mod Kerja Kursus) adalah:
 - 4.6.1 Lulus Ijazah Sarjana dalam bidang atau bidang berkaitan dan diiktiraf oleh Senat;
 - 4.6.2 Kelayakan lain yang setara dengan Ijazah Sarjana yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia; atau
 - 4.6.3 Kelayakan-kelayakan lain yang mengikut ketetapan standard program berkaitan.
- 4.7 Syarat Kelayakan Kemasukan Program Ijazah Doktor Falsafah (mod Kerja Kursus) adalah:
 - 4.7.1 Lulus Ijazah Sarjana dalam bidang atau bidang berkaitan dan diiktiraf oleh Senat;
 - 4.7.2 Kelayakan lain yang setara dengan Ijazah Sarjana yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia; atau
 - 4.7.3 Kelayakan-kelayakan lain yang mengikut ketetapan standard program berkaitan.
- 4.8 Syarat Kelayakan Kemasukan Program Ijazah Doktor Falsafah (mod Campuran) adalah:
 - 4.8.1 Lulus Ijazah Sarjana dalam bidang atau bidang berkaitan dan diiktiraf oleh Senat;
 - 4.8.2 Kelayakan lain yang setara dengan Ijazah Sarjana yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia; atau
 - 4.8.3 Kelayakan-kelayakan lain yang mengikut ketetapan standard program berkaitan.
- 4.9 Syarat kompetensi bahasa Inggeris bagi pelajar antarabangsa:
 - 4.9.1 Mengikut ketetapan dalam standard berkaitan; dan
 - 4.9.2 Jika tiada ketetapan dalam standard program pengajian yang berkaitan, pihak universiti boleh menentukan tahap kompetensi untuk kelayakan masuk berdasarkan keperluan program pengajian.
- 4.10 Syarat-syarat lain (syarat dalaman) untuk kelayakan masuk bagi setiap peringkat pengajian pascasiswazah:
 - 4.10.1 Calon sihat fizikal dan mental serta berupaya untuk mengikuti program pengajian di Universiti;
 - 4.10.2 Memenuhi apa-apa syarat lain yang ditetapkan oleh Universiti dari semasa ke semasa;
 - 4.10.3 Calon yang kelainan upaya boleh mengikuti program pengajian yang bersesuaian; dan
 - 4.10.4 Pelajar Universiti yang telah diberhentikan atas sebab-sebab tindakan tatatertib tidak dibenarkan memohon semula.

**PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH
UNIVERSITI ISLAM SELANGOR (PINDAAN 2024)**

**BAHAGIAN 5:
PENDAFTARAN PELAJAR**

5.1 Pendaftaran Kemasukan

- 5.1.1 Calon pelajar hendaklah mendaftar mengikut tarikh pendaftaran yang ditetapkan oleh Universiti.
- 5.1.2 Calon pelajar boleh memohon penangguhan pendaftaran dalam tempoh tiga (3) minggu dari tarikh pendaftaran setelah mendapat kelulusan dari pihak universiti.
- 5.1.3 Jika calon pelajar gagal membuat permohonan penangguhan, calon dikira tidak mendaftar dan tawaran adalah terbatal dengan sendiri kecuali setelah mendapat kebenaran secara bertulis daripada universiti.
- 5.1.4 Semua tawaran kemasukan adalah untuk sesi yang ditawarkan sahaja.
- 5.1.5 Calon pelajar yang mendaftar di universiti akan dikenakan yuran pendaftaran.

5.2 Pendaftaran Kursus

- 5.2.1 Semua pelajar dikehendaki mendaftar kursus **SEBELUM** sesi pengajian bermula. Mana-mana kursus yang mengambil masa lebih daripada satu (1) semester untuk mendapat penilaian akhir juga perlu didaftarkan sebelum sesi pengajian bermula.
- 5.2.2 Pelajar hendaklah memenuhi keperluan mana-mana kursus prasyarat sebelum dibenarkan mendaftar kursus berikutnya.
- 5.2.3 Pelajar hendaklah menjelaskan baki yuran bagi semester terdahulu sebelum mendaftar kursus untuk semester berikutnya.
- 5.2.4 Semua pelajar dikehendaki mendaftar mengikut struktur program pengajian akademik yang telah ditetapkan oleh Fakulti/ Pusat/ Institut.
- 5.2.5 Semua pelajar yang mengikuti pengajian secara penyelidikan diwajibkan mengemukakan laporan kemajuan pada akhir setiap semester sebelum mendaftar semester seterusnya.
- 5.2.6 Pendaftaran Kursus Ulangan:
 - 5.2.6.1 Pelajar wajib menghadiri sebarang pembelajaran dan penilaian bagi kursus ulangan yang didaftarkan mengikut ketentuan bagi kursus tersebut.
 - 5.2.6.2 Pelajar yang membuat pertukaran program dalam Fakulti/ Pusat/ Institut yang sama dan kandungan kursus juga adalah sama, maka kursus yang gagal dalam program sebelumnya perlu diambil semula.
 - 5.2.6.3 Pelajar yang membuat pertukaran program dalam Fakulti/ Pusat/ Institut yang sama tetapi kandungan kursus yang berlainan, maka kursus yang gagal dalam program sebelumnya tidak perlu diambil tetapi mana-mana kursus dalam struktur program yang baharu perlu diambil.
 - 5.2.6.4 Status "REP" (*Repeat*) akan diberikan kepada kursus ulangan.
- 5.2.7 Pendaftaran Kursus Lewat:
 - 5.2.7.1 Pelajar yang gagal membuat pendaftaran kursus dalam tempoh yang ditetapkan akan dikenakan denda bagi pendaftaran kursus lewat berdasarkan ketetapan.

**PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH
UNIVERSITI ISLAM SELANGOR (PINDAAN 2024)**

5.2.7.2 Pelajar Warganegara yang gagal mendaftar dalam Tempoh Pendaftaran Kursus sepertimana yang dinyatakan di Peraturan 5.2 di atas, dan/ atau gagal mendaftar dalam Tempoh Pendaftaran Berdenda, akan **DITANGGUHKAN PENGAJIAN** secara automatik oleh pihak Universiti.

5.2.7.3 Jika pelajar masih gagal mendaftar dalam Tempoh Tangguh Automatik tersebut, maka pelajar akan **DIBERHENTIKAN** secara automatik dan pelajar perlu membuat pendaftaran semula dengan pembayaran yuran pendaftaran jika ingin menyambung kembali pengajian.

5.2.7.4 Pelajar Antarabangsa yang gagal mendaftar dalam Tempoh Pendaftaran yang ditetapkan di bawah Peraturan 5.2 di atas akan **DIBERHENTIKAN** dari pengajian.

5.3 Status Pelajar

5.3.1 Pelajar akan dikekalkan status sebagai **AKTIF** sekiranya:

- a) Memenuhi semua syarat pendaftaran pelajar dan pendaftaran kursus;
- b) Menangguh atau ditangguhkan pengajian dalam tempoh had maksimum yang dibenarkan;
- c) Tidak melebihi tempoh maksimum pengajian yang dibenarkan;
- d) Tidak diberhentikan di bawah peruntukan Bahagian 10 peraturan ini;
- e) Pelajar yang telah menyerahkan tesis atau disertasi untuk peperiksaan lisan (*viva voce*); dan
- f) Telah menjelaskan pembayaran yuran pengajian.

5.3.2 Pelajar yang telah membuat penyerahan tesis atau disertasi untuk peperiksaan lisan (*viva voce*) perlu mendaftar pada semester seterusnya dengan membayar yuran *viva*, yuran kemudahan dan yuran kebajikan sahaja.

5.3.3 Bagi pelajar yang menyerahkan disertasi/ tesis untuk peperiksaan lisan selepas minggu ketiga (3) kuliah, pelajar dikenakan caj yuran pengajian (tesis) sepenuhnya.

5.3.4 Pelajar yang perlu membuat pembetulan major atau keputusan peperiksaan lisan ulangan (*re-viva*) perlu mendaftar dan membayar yuran pengajian bagi semester semasa dan yuran *viva*.

5.3.5 Pelajar yang perlu membuat pembetulan minor sehingga memasuki tempoh sesi baharu perlu mendaftar tanpa dikenakan caj yuran pengajian bagi semester semasa dan yuran *viva*.

5.3.6 Sekiranya pelajar telah menerima tarikh peperiksaan lisan (*viva voce*), pelajar perlu mendaftar tanpa dikenakan caj yuran pengajian bagi semester semasa dan yuran *viva*.

**PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH
UNIVERSITI ISLAM SELANGOR (PINDAAN 2024)**

**BAHAGIAN 6:
YURAN DAN DENDA**

- 6.1 Yuran
- 6.1.1 Yuran Pendaftaran ialah yuran pengurusan yang dikenakan kepada calon kemasukan yang mendaftar di Universiti.
 - 6.1.2 Yuran Pengajian ialah yuran yang dikenakan kepada pelajar mengikut bilangan jam kredit kursus yang didaftarkan dan penyeliaan tesis atau disertasi.
 - 6.1.3 Yuran Pemindahan Kredit ialah yuran yang dikenakan kepada pelajar yang memohon pemindahan kredit dan dikira mengikut bilangan kursus.
 - 6.1.4 Yuran Penginapan ialah yuran yang dikenakan kepada pelajar yang mendaftar untuk menginap di mana-mana kediaman Universiti dan dicaj berdasarkan kadar harga bilik mengikut bilangan hari.
 - 6.1.5 Yuran Penilaian ialah yuran yang dikenakan kepada pelajar yang menduduki peperiksaan atau apa-apa bentuk penilaian kursus mengikut bilangan kursus yang didaftarkan bagi kerja kursus, mod Penyelidikan dan mod Campuran.
 - 6.1.6 Yuran Viva ialah yuran yang dikenakan kepada pelajar yang menjalani peperiksaan lisan bagi mod Penyelidikan dan mod Campuran.
 - 6.1.7 Yuran Semakan Semula Buku Jawapan Peperiksaan atau Kerja Kursus ialah yuran yang dikenakan kepada pelajar yang memohon untuk membuat semakan semula markah bagi buku jawapan peperiksaan atau kerja kursus atau sebarang bentuk penilaian.
 - 6.1.8 Yuran Peperiksaan Ulangan ialah yuran yang dikenakan kepada pelajar yang membuat permohonan untuk menduduki semula peperiksaan.
 - 6.1.9 Yuran Graduasi ialah yuran yang dikenakan kepada pelajar yang telah menyempurnakan keseluruhan kursus atau penyelidikan bagi program pengajian dengan kadar bayaran yang ditetapkan oleh Universiti.
- 6.2 Denda
- 6.2.1 Denda ialah caj yang dikenakan kepada pelajar yang telah melakukan perkara-perkara berikut:
 - a) Lewat mendaftar kursus atau semester dalam tempoh pendaftaran;
 - b) Lewat menambah atau menggugurkan kursus dalam tempoh yang ditetapkan;
 - c) Menghilangkan bahan perpustakaan;
 - d) Menghilangkan atau merosakkan atau lewat memulangkan pakaian akademik;
 - e) Melanggar peraturan-peraturan Universiti; atau
 - f) Mana-mana keadaan lain yang ditetapkan oleh Universiti dari semasa ke semasa.
- 6.3 Tanggungjawab Menjelaskan Yuran
- 6.3.1 Pelajar hendaklah menjelaskan semua yuran dan apa-apa bayaran yang ditetapkan seperti berikut:
 - a) Yuran Pendaftaran;

**PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH
UNIVERSITI ISLAM SELANGOR (PINDAAN 2024)**

- b) Yuran Pengajian dan bayaran-bayaran lain yang ditetapkan sebelum menduduki peperiksaan;
 - c) Yuran Pengajian yang tertunggak dan Yuran Graduasi sebelum dibenarkan menyertai Majlis Konvokesyen; dan
 - d) Apa-apa bayaran tertunggak sebelum dibenarkan mengambil transkrip dan sijil akademik.
- 6.3.2 Pelajar yang gagal menjelaskan yuran tidak dibenarkan menduduki peperiksaan bertulis dan/ atau lisan.
- 6.3.3 Sekiranya pelajar gagal menyerahkan tesis atau disertasi dalam semester semasa, pelajar dikehendaki membayar yuran kemudahan dan kebajikan dan yuran pengajian untuk semester-semester berikutnya sehingga tesis atau disertasi diserahkan.
- 6.3.4 Pelajar yang telah menyerahkan tesis atau disertasi untuk peperiksaan lisan (*viva voce*) hendaklah mendaftar sebagai pelajar sehingga serahan tesis untuk pengesahan Senat dengan membayar **yuran asas sahaja**. Yuran pengajian tidak akan dikenakan setelah pelajar selesai menghantar dokumen lengkap untuk pengesahan senat.
- 6.4 Hak Mengubah Kadar Yuran dan Denda
- 6.4.1 Pihak Universiti berhak untuk mengubah kadar yuran, denda dan apa-apa kadar bayaran lain yang ditetapkan tanpa notis.

**PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH
UNIVERSITI ISLAM SELANGOR (PINDAAN 2024)**

**BAHAGIAN 7:
TEMPOH, JENIS DAN STRUKTUR PENGAJIAN**

- 7.1 Universiti telah menetapkan tempoh pengajian minimum dan maksimum yang dibenarkan.
- 7.1.1 Tempoh minimum dan maksimum program Ijazah Sarjana (mod Kerja Kursus) adalah seperti berikut:
- a) Sepenuh Masa : Minimum satu (1) tahun dan maksimum dua (2) tahun.
 - b) Separuh Masa : Minimum dua (2) tahun dan maksimum empat (4) tahun.
- 7.1.2 Tempoh minimum dan maksimum program Ijazah Sarjana (mod Penyelidikan/ Campuran) adalah seperti berikut:
- a) Sepenuh Masa : Minimum dua (2) tahun dan maksimum empat (4) tahun.
 - b) Separuh Masa : Minimum tiga (3) tahun dan maksimum enam (6) tahun.
- 7.1.3 Tempoh minimum dan maksimum program Ijazah Doktor Falsafah (mod Penyelidikan/ Campuran) adalah seperti berikut:
- a) Sepenuh Masa : Minimum tiga (3) tahun dan maksimum enam (6) tahun.
 - b) Separuh Masa : Minimum empat (4) tahun dan maksimum lapan (8) tahun.
- 7.2 Senat Universiti boleh memberi pengecualian bagi pelajar yang menamatkan pengajian dalam masa yang singkat daripada tempoh minimum pengajian yang ditetapkan. Tempoh minimum bagi pelajar cemerlang pengajian Ijazah Doktor Falsafah (mod Penyelidikan) adalah dua (2) tahun.
- 7.3 Kaedah pengajian adalah tertakluk kepada program pengajian yang ditawarkan oleh Fakulti/ Pusat/ Institut.
- 7.4 Program Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah ditawarkan mengikut struktur pengajian berdasarkan ketetapan standard pengajian.
- 7.5 Tesis dan Disertasi (mod Penyelidikan/ Campuran)
- 7.5.1 Pelajar tidak boleh mengemukakan tesis dan disertasi yang pernah diserahkan kepada universiti atau Institusi Pengajian Tinggi yang lain.
- 7.5.2 Pelajar dikehendaki menerbitkan artikel jurnal dan membentangkan kertas kerja mengenai penyelidikannya semasa dalam pengajian.
- 7.5.3 Bagi program Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah (mod Penyelidikan), jumlah patah perkataan tesis dan disertasi hendaklah merujuk kepada standard program dan/ atau Buku Panduan Penulisan Tesis Gaya UIS Peringkat Pascasiswazah.
- 7.5.4 Bahasa penulisan tesis atau disertasi adalah mengikut ketetapan kelulusan pengajian.
- 7.5.5 Peraturan mengenai penulisan dan format tesis dan disertasi adalah seperti yang terdapat dalam Buku Panduan Penulisan Tesis Gaya UIS Peringkat Pascasiswazah.

**BAHAGIAN 8:
PERTUKARAN PROGRAM, MOD PENAWARAN DAN KAEDAH PENGAJIAN**

- 8.1 Syarat-syarat pertukaran program, mod penawaran dan kaedah pengajian
- 8.1.1 Permohonan pertukaran program adalah seperti berikut:
- (a) Jika melibatkan dua (2) Fakulti/ Pusat/ Institut yang berbeza, permohonan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) melalui Ketua Pascasiswazah dan Dekan/ Pengarah Fakulti/ Pusat/ Institut yang asal dan Ketua Pascasiswazah dan Dekan/ Pengarah Fakulti/ Pusat/ Institut yang baharu.
 - (b) Jika melibatkan pertukaran di antara jabatan di dalam Fakulti/ Pusat/ Institut yang sama mestilah mendapat kelulusan daripada kedua-dua Ketua Program Pascasiswazah dan Dekan/ Pengarah Fakulti/ Pusat/ Institut.
- 8.1.2 Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Pengurusan Akademik dalam tempoh empat (4) minggu dari tarikh kuliah bermula.
- 8.1.3 Pelajar perlu memenuhi syarat kemasukan bagi program yang dipohon.
- 8.1.4 Pertukaran program dan kaedah pengajian hanya dibenarkan sehingga semester ketiga (3) bagi program pengajian yang sedang diikuti.
- 8.1.5 Pertukaran program dan kaedah pengajian hanya boleh dimohon sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian.

**PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH
UNIVERSITI ISLAM SELANGOR (PINDAAN 2024)**

**BAHAGIAN 9:
PENANGGUHAN PENGAJIAN**

9.1 Penangguhan Pengajian

9.1.1 Permohonan menangguhkan pengajian hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Pengurusan Akademik mengikut tempoh seperti berikut:

BIL.	MOD PENGAJIAN	TEMPOH
1.	Kerja Kursus/ Campuran	selewat-lewatnya satu (1) minggu sebelum minggu penilaian akhir/ serahan laporan kemajuan
2.	Penyelidikan	selewat-lewatnya empat (4) minggu sebelum semester semasa berakhir

9.1.2 Bayaran penangguhan pengajian akan dikenakan mengikut kadar semasa yang ditetapkan bermula minggu ketiga (3) perkuliahan.

9.1.3 Had maksimum tempoh penangguhan hanya dua (2) sesi pengajian sahaja sepanjang tempoh program pengajian yang diikuti ("Tempoh Tangguh Maksimum").

9.1.4 Penangguhan pengajian **tidak dikira** sebagai semester lazim pengajian pelajar.

9.1.5 Pelajar yang menangguh pengajian hendaklah membuat pendaftaran semula pada sesi yang ditetapkan.

9.1.6 Penangguhan pengajian hanya dibenarkan bagi keadaan-keadaan berikut:

- a) Pelajar yang sakit dalam tempoh yang lama boleh diberi penangguhan pengajian untuk sesi tertentu dengan sokongan Ketua Pascasiswazah dan Dekan/ Pengarah Fakulti/ Pusat/ Institut berasaskan perakuan pegawai perubatan yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
- b) Pelajar yang mempunyai alasan-alasan yang munasabah dengan kebenaran dan sokongan Ketua Pascasiswazah dan Dekan/ Pengarah Fakulti/ Pusat/ Institut.

**PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH
UNIVERSITI ISLAM SELANGOR (PINDAAN 2024)**

**BAHAGIAN 10:
BERHENTI PENGAJIAN**

10.1 Berhenti Pengajian

Pelajar hendaklah mengisi Borang Berhenti Pengajian dan dikemukakan kepada Bahagian Pengurusan Akademik.

10.2 Pelajar boleh diberhentikan apabila:

- a) Pelajar berhenti tanpa permohonan; atau
- b) Pelajar dikenakan hukuman tatatertib di bawah Peraturan Tatatertib dan Tarbiyah Pelajar UIS atau mana-mana peraturan UIS yang berkuatkuasa; atau
- c) Peratusan ketidakhadiran pelajar ke kuliah atau kelas bagi kursus yang didaftarkan melebihi 20% tanpa memaklumkan kepada pensyarah yang mengajar; atau
- d) Pelajar gagal mengemukakan laporan kemajuan penyelidikan dua (2) semester berturut-turut bagi mod Penyelidikan; atau
- e) Pelajar melepasi tempoh maksimum pengajian sebagaimana yang ditetapkan di Bahagian 7.1 peraturan ini, yang mana berkaitan; atau
- f) Pelajar memperoleh kurang daripada HPNG 3.00 pada mana-mana semester bagi kerja kursus dan campuran; atau
- g) Pelajar telah melebihi had Tempoh Penangguhan atau Tempoh Tangguh Maksimum yang telah ditetapkan di Bahagian 9.1 peraturan ini, yang mana berkaitan; atau
- h) Pelajar didapati memalsukan maklumat dan dokumen terutama semasa membuat permohonan kemasukan ke Universiti.

10.3 Pelajar yang telah berhenti sama ada melalui permohonan atau diberhentikan dalam mana-mana keadaan di bawah Peraturan 10.1 dan 10.2 di atas KECUALI keadaan di bawah Peraturan 10.2 (b), boleh merayu untuk meneruskan pengajian tertakluk kepada kelulusan Universiti.

10.4 Pelajar yang telah diberhentikan pengajian di bawah Peraturan 10.2 (b) di atas, tidak dibenarkan merayu untuk meneruskan pengajian ke Universiti dan jika sekiranya didapati permohonan pelajar telah diterima atas kegagalan pelajar memaklumkan rekod pemberhentian sebelum ini atas sebab-sebab tindakan tatatertib, maka Universiti berhak menamatkan pengajian serta merta tanpa sebarang kos dan liabiliti.

10.5 Pelajar yang diberhentikan di bawah Peraturan 10.2 (f) iaitu atas sebab prestasi akademik tidak mencapai tahap lulus, dibenarkan memohon semula kemasukan sebagai pelajar baharu tertakluk kepada kelulusan Universiti.

10.6 Mana-mana pelajar yang berhenti melalui permohonan atau diberhentikan oleh Universiti adalah bertanggungjawab untuk membayar mana-mana kos yang terlibat dan/ atau tertunggak semasa dalam tempoh pengajian atau kos yang dikenakan bagi proses atau kesan dari pemberhentian.

**PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH
UNIVERSITI ISLAM SELANGOR (PINDAAN 2024)**

**BAHAGIAN 11:
PRASYARAT, PENAMBAHAN DAN PENGGUGURAN KURSUS**

- 11.1 Pelajar bukan bidang bagi program yang ditawarkan perlu mengambil dan lulus kursus prasyarat mengikut ketetapan Fakulti/ Pusat/ Institut dan standard program pengajian.
- 11.2 Tambah atau Gugur Kursus
 - 11.2.1 Pelajar boleh menambah mana-mana kursus sehingga minggu kedua (ke-2) perkuliahan setiap sesi pengajian ("Minggu Tambah").
 - 11.2.2 Pelajar boleh menggugurkan mana-mana kursus sehingga minggu ketiga (ke-3) perkuliahan setiap sesi pengajian ("Minggu Gugur").
 - 11.2.3 Pengguguran atau penambahan kursus perlu mendapat kelulusan Pensyarah dan Ketua Pascasiswazah berkenaan.
 - 11.2.4 Pengguguran atau penambahan kursus SELEPAS tempoh Minggu Tambah atau Minggu Gugur yang telah ditetapkan, pelajar perlu mendapat kelulusan Dekan/ Pengarah Fakulti/ Pusat/ Institut dan akan dikenakan denda sebagaimana yang ditetapkan oleh universiti.
 - 11.2.5 Sebarang pembetulan pendaftaran kursus hendaklah dibuat dalam Minggu Tambah atau Minggu Gugur kursus yang telah ditetapkan.
 - 11.2.6 Pelajar bertanggungjawab sepenuhnya menyemak kesahihan maklumat pendaftaran kursus yang dipohon.

**PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH
UNIVERSITI ISLAM SELANGOR (PINDAAN 2024)**

**BAHAGIAN 12:
KEHADIRAN AKADEMIK**

12.1 Kehadiran Pelajar

- 12.1.1 Pelajar diwajibkan menghadiri semua kelas atau sesi penyeliaan yang ditetapkan bagi setiap kursus pada semester yang didaftarkan. Pelajar bertanggungjawab memastikan Pensyarah Kursus atau Penyelia dimaklumkan tentang ketidakhadirannya.
- 12.1.2 Pensyarah bertanggungjawab untuk menyimpan borang kehadiran pelajar bagi mod secara Kerja Kursus dan Campuran.
- 12.1.3 Pelajar mod Penyelidikan dan Campuran bertanggungjawab untuk mengemaskini dan menyimpan buku log penyeliaan sebagai rekod kehadiran penyeliaan.

12.2 Ketidakhadiran Pelajar

- 12.2.1 Ketidakhadiran pelajar melebihi 20% bagi mod Kerja Kursus dan Campuran boleh dihalang daripada menduduki peperiksaan.
- 12.2.2 Fakulti/ Pusat/ Institut hendaklah melaporkan Peraturan 12.2 kepada Bahagian Pengurusan Akademik dan tindakan berikut boleh diambil:
 - a) Tidak membenarkan pelajar mengikuti perkuliahan yang seterusnya bagi kursus tersebut; atau
 - b) Tidak membenarkan pelajar menduduki sebarang penilaian kursus yang seterusnya; atau
 - c) Tidak membenarkan pelajar menduduki peperiksaan pada kursus tersebut dengan diberikan status dihalang (DHLG).

12.3 Pengecualian Kehadiran

- 12.3.1 Pelajar dibenarkan mendapat pengecualian dari menghadiri kuliah disebabkan;
 - a) Masalah kesihatan dengan syarat pelajar mengemukakan sijil sakit atau laporan kesihatan yang dikeluarkan oleh pegawai perubatan yang bertauliah oleh Kementerian Kesihatan Malaysia kepada pensyarah yang berkenaan; atau
 - b) Kematian atau sakit tenat ibu bapa atau penjaga atau suami atau isteri atau anak atau sebab-sebab lain yang munasabah dengan syarat pelajar memohon cuti ehsan kepada Dekan/ Pengarah Fakulti/ Pusat/ Institut; atau
 - c) Sebab-sebab lain yang melibatkan kepentingan Universiti.

**BAHAGIAN 13:
CADANGAN PENYELIDIKAN DAN PENYELIAAN AKADEMIK**

13.1 Cadangan Penyelidikan

Bagi mod Campuran dan mod Penyelidikan, pelajar dibenarkan untuk memulakan kerja-kerja penyelidikan setelah lulus kursus yang ditetapkan.

13.2 Penyeliaan

13.2.1 Pelajar boleh mencadangkan Penyelia kepada pihak Fakulti/ Pusat/ Institut untuk kelulusan. Sekiranya tiada cadangan daripada pelajar, Fakulti/ Pusat/ Institut akan melantik Penyelia untuk menyelia pelajar.

13.2.2 Program Ijazah Sarjana mod Penyelidikan, pelajar dibimbing oleh:

a) Seorang penyelia utama yang memenuhi syarat berikut:

- i. Mempunyai Ijazah Doktor Falsafah; atau
- ii. Pensyarah dengan kelayakan Ijazah Sarjana dengan sekurang-kurangnya mempunyai lima (5) tahun pengalaman dalam pengajaran dan penyelidikan DAN telah menjadi penyelia bersama pelajar di peringkat Ijazah Sarjana; dan
- iii. Penyelia utama mesti melalui latihan penyeliaan yang berstruktur; dan
- iv. Senat Universiti boleh mengenakan kriteria lain yang difikirkan perlu .

b) Penyelia bersama boleh dilantik mengikut keperluan pelajar. Penyelia bersama perlu memenuhi syarat berikut:

- i. Mempunyai Ijazah Doktor Falsafah; atau
- ii. Penyelia dengan kelayakan Ijazah Sarjana dengan sekurang-kurangnya mempunyai satu (1) tahun pengalaman dalam pengajaran dan penyelidikan; atau
- iii. Penyelia bersama dari industri mesti berkelayakan sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dan mesti mempunyai lima (5) tahun pengalaman bekerja dalam bidang yang bersesuaian dengan tahap tesis; atau
- iv. Penyelia bersama mesti melalui latihan penyeliaan yang berstruktur; dan
- v. Senat Universiti boleh mengenakan kriteria lain yang difikirkan perlu.

13.2.3 Program Ijazah Sarjana mod Campuran, pelajar dibimbing oleh:

a) Seorang penyelia utama yang memenuhi syarat berikut:

- i. Mempunyai Ijazah Doktor Falsafah; atau
- ii. Pensyarah dengan kelayakan Sarjana dengan sekurang-kurangnya mempunyai lima (5) tahun pengalaman dalam pengajaran dan penyelidikan DAN telah menjadi penyelia bersama pelajar di peringkat Ijazah Sarjana; dan
- iii. Penyelia utama mesti melalui latihan penyeliaan yang berstruktur; dan
- iv. Senat Universiti boleh mengenakan kriteria lain yang difikirkan perlu.

**PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH
UNIVERSITI ISLAM SELANGOR (PINDAAN 2024)**

- b) Penyelia bersama boleh dilantik mengikut keperluan pelajar dengan memenuhi syarat berikut:
 - i. Mempunyai Ijazah Doktor Falsafah; atau
 - ii. Pensyarah dengan kelayakan Ijazah Sarjana dengan sekurang-kurangnya mempunyai satu (1) tahun pengalaman dalam pengajaran dan penyelidikan; dan
 - iii. Penyelia bersama dari industri mesti berkelayakan sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dan mesti mempunyai lima (5) tahun pengalaman bekerja dalam bidang yang bersesuaian dengan tahap tesis; dan
 - iv. Penyelia bersama mesti melalui latihan penyeliaan yang berstruktur; dan
 - v. Senat Universiti boleh mengenakan kriteria lain yang difikirkan perlu

13.2.4 Program Ijazah Sarjana mod Kerja Kursus, pelajar dibimbing oleh:

- a) Seorang penyelia utama yang memenuhi syarat berikut:
 - i. Mempunyai Ijazah Doktor Falsafah; atau
 - ii. Pensyarah dengan kelayakan Ijazah Sarjana dengan sekurang-kurangnya mempunyai lima (5) tahun pengalaman dalam pengajaran; atau
 - iii. Penyelia dari industri **mesti** berkelayakan sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dan mesti mempunyai lima (5) tahun pengalaman bekerja dalam bidang yang bersesuaian dengan tahap kertas projek dan hanya boleh dilantik sebagai penyelia bersama; dan
 - iv. Penyelia mesti melalui latihan penyeliaan yang berstruktur; dan
 - v. Senat Universiti boleh mengenakan kriteria lain yang difikirkan perlu.

13.2.5 Program Ijazah Doktor Falsafah mod Penyelidikan, pelajar dibimbing oleh:

- a) Seorang penyelia utama yang:
 - i. Mempunyai Ijazah Doktor Falsafah dan;
 - ii. Mempunyai dua (2) tahun pengalaman dalam pengajaran dan penyelidikan dan;
 - iii. Telah menyelia pelajar Ijazah Sarjana atau Ijazah Doktor Falsafah mod Penyelidikan hingga tamat. atau;
 - iv. Jika penyelia utama yang memiliki kelayakan Ijazah Sarjana sahaja perlu mempunyai pengalaman ekstensif dalam bidang penyelidikan dan lantikan diluluskan oleh Senat Universiti tertakluk kepada a(ii) dan a(iii) atau;
 - v. Senat Universiti boleh mengenakan kriteria lain yang difikirkan perlu.
- b) Penyelia bersama yang:
 - i. Mempunyai Ijazah Doktor Falsafah; atau
 - ii. Jika penyelia bersama hanya memiliki kelayakan Ijazah Sarjana, penyelia perlu mempunyai pengalaman ekstensif dalam bidang penyelidikan dan lantikan diluluskan oleh Senat Universiti; dan

**PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH
UNIVERSITI ISLAM SELANGOR (PINDAAN 2024)**

- iii. Penyelia bersama dari industri atau pengamal mesti mempunyai kelayakan sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana dan sepuluh (10) tahun pengalaman dalam bidang bersesuaian dengan tahap tesis; dan
- iv. Penyelia bersama mesti melalui latihan penyeliaan yang berstruktur; dan
- v. Senat Universiti boleh mengenakan kriteria lain yang difikirkan perlu.

13.2.6 Program Ijazah Doktor Falsafah mod Campuran, pelajar dibimbing oleh:

- a) Seorang penyelia utama yang:
 - i. Mempunyai Ijazah Doktor Falsafah; dan
 - ii. Mempunyai dua (2) tahun pengalaman dalam pengajaran dan penyelidikan; dan
 - iii. Telah menyelia pelajar Ijazah Sarjana atau Ijazah Doktor Falsafah mod Penyelidikan hingga tamat; atau
 - iv. Jika penyelia utama yang memiliki kelayakan Ijazah Sarjana SAHAJA perlu mempunyai pengalaman ekstensif dalam bidang penyelidikan dan lantikan diluluskan oleh Senat Universiti tertakluk kepada a(ii) dan a(iii); dan
 - v. Penyelia mesti melalui latihan penyeliaan yang berstruktur; dan
 - vi. Senat Universiti boleh mengenakan kriteria lain yang difikirkan perlu.
- b) Penyelia bersama yang:
 - i. Mempunyai Ijazah Doktor Falsafah; atau
 - ii. Jika penyelia bersama hanya memiliki kelayakan Ijazah Sarjana sahaja, penyelia perlu mempunyai pengalaman ekstensif dalam bidang penyelidikan dan lantikan diluluskan oleh Senat Universiti; atau
 - iii. Penyelia bersama dari industri atau pengamal mesti mempunyai kelayakan sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana dan sepuluh (10) tahun pengalaman dalam bidang bersesuaian dengan tahap tesis; dan
 - iv. Penyelia mesti melalui latihan penyeliaan yang berstruktur dan;
 - v. Senat Universiti boleh mengenakan kriteria lain yang difikirkan perlu.
- c) Tenaga pengajar:
 - i. Mempunyai Ijazah Doktor Falsafah dengan sekurang-kurangnya dua (2) tahun pengalaman dalam pengajaran; dan
 - ii. Tenaga pengajar dari industri mesti mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana dengan sepuluh (10) tahun pengalaman dalam bidang dan peringkat yang bersesuaian dengan kursus.

13.2.7 Program Ijazah Doktor Falsafah Kerja Kursus, pelajar dibimbing oleh:

- a) Seorang penyelia utama yang:
 - i. Mempunyai Ijazah Doktor Falsafah; dan
 - ii. Mempunyai dua (2) tahun pengalaman dalam pengajaran dan penyelidikan; dan

**PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH
UNIVERSITI ISLAM SELANGOR (PINDAAN 2024)**

- iii. Telah menyelia pelajar Ijazah Sarjana atau Ijazah Doktor Falsafah mod Penyelidikan hingga tamat; atau
- iv. Jika penyelia utama yang memiliki kelayakan Ijazah Sarjana sahaja perlu mempunyai pengalaman ekstensif dalam bidang penyelidikan dan lantikan diluluskan oleh Senat Universiti; dan
- v. Tenaga pengajar dari industri mesti mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana dengan sepuluh (10) tahun pengalaman dalam bidang dan peringkat yang bersesuaian dengan kursus dan hanya dilantik sebagai penyelia bersama; dan
- vi. Penyelia mesti melalui latihan penyeliaan yang berstruktur; dan
- vii. Senat Universiti boleh mengenakan kriteria lain yang difikirkan perlu.

b) Tenaga pengajar:

- i. Mempunyai Ijazah Doktor Falsafah dengan sekurang-kurangnya dua (2) tahun pengalaman dalam pengajaran; atau
- ii. Tenaga pengajar dari industri mesti mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana dengan sepuluh (10) tahun pengalaman dalam bidang dan peringkat yang bersesuaian dengan tahap kursus.

13.3 Nisbah Penyelia dan Pelajar adalah tertakluk kepada ketetapan Standard program pengajian berkaitan.

13.4 Penyelia juga tertakluk pada kriteria yang ditetapkan oleh standard program pengajian berkaitan.

13.5 Pensyarah yang dipinjamkan ke tempat lain, cuti sabbatical, berhenti atau bersara dari Universiti atau individu dari institusi lain yang berkelayakan hanya boleh dilantik sebagai Penyelia Bersama.

13.6 Seseorang penyelia yang bercuti sabbatical tidak boleh dilantik (lantikan baharu) sebagai Penyelia Utama sepanjang tempoh cuti sabbatical.

13.7 Penukaran Penyelia

Penyelia/ Penyelia Bersama yang tidak dapat menjalankan tugasnya atas sebab-sebab tertentu, Fakulti/ Pusat/ Institut hendaklah melantik seorang penyelia lain untuk menjalankan tugas tersebut bagi sesuatu tempoh yang tertentu. Surat lantikan penyelia akan dikeluarkan oleh Pusat Pengajian Siswazah berdasarkan cadangan Fakulti/ Pusat/ Institut.

13.8 Pelajar di atas sebab-sebab tertentu boleh memohon menukar penyelia dengan kebenaran Dekan/ Pengarah sepanjang tempoh pengajian. Surat lantikan penyelia akan dikeluarkan oleh Pusat Pengajian Siswazah berdasarkan cadangan Fakulti/ Pusat/ Institut.

**BAHAGIAN 14:
PEPERIKSAAN**

14.1 Peperiksaan Akhir Sesi

14.1.1 Peperiksaan akhir sesi hendaklah dijalankan mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan setelah minggu perkuliahan yang ditetapkan oleh Universiti berakhir.

14.1.2 Setiap pelajar Universiti yang telah mendaftar kursus pada sesi tersebut diwajibkan menduduki peperiksaan bagi kesemua kursus yang telah didaftarkan kecuali kursus tersebut tiada peperiksaan akhir.

14.2 Peperiksaan Ulangan

14.2.1 Peperiksaan ulangan boleh diadakan bagi pelajar yang mendapat kebenaran penangguhan peperiksaan semester seperti yang dinyatakan di Bahagian 14.6 peraturan ini.

14.2.2 Pelajar yang layak menduduki peperiksaan ulangan dikehendaki membayar yuran peperiksaan ulangan yang ditentukan bagi kursus berkenaan sebelum dibenarkan menduduki peperiksaan.

14.3 Peperiksaan Khas

Universiti berhak atas perakuan Fakulti/ Pusat/ Institut meluluskan peperiksaan khas bagi calon yang tidak dapat menduduki peperiksaan untuk sesuatu kursus atas alasan yang munasabah.

14.4 Kebenaran Menduduki Peperiksaan.

14.4.1 Kebenaran menduduki peperiksaan dikeluarkan empat belas (14) hari sebelum peperiksaan.

14.4.2 Kebenaran menduduki peperiksaan bertulis bagi sesuatu sesi atau kursus yang didaftarkan tidak diberikan kepada pelajar yang;

- a) Gagal menjelaskan yuran pengajian dan bayaran-bayaran lain yang ditetapkan Universiti; atau
- b) Telah didapati bersalah dan sedang dalam tindakan penggantungan oleh Jawatankuasa Tatatertib Pelajar; atau
- c) Gagal menyempurnakan dan mematuhi syarat-syarat kerja kursus yang ditetapkan oleh program pengajian; atau
- d) Telah diberi status dihalang (DHLG) bagi sesuatu kursus.

14.5 Peraturan Am Peperiksaan

14.5.1 Mana-mana pelajar yang menduduki peperiksaan adalah terikat kepada arahan berikut:

- a) Pelajar hendaklah masuk ke dewan peperiksaan hanya apabila dibenarkan oleh Pengawas Peperiksaan.
- b) Pelajar tidak dibenarkan masuk ke dewan peperiksaan selepas tiga puluh (30) minit peperiksaan bermula.
- c) Pelajar hanya dibenarkan keluar dari dewan peperiksaan selepas tiga puluh (30) minit peperiksaan bermula dengan kebenaran Pengawas Peperiksaan.
- d) Pelajar tidak dibenarkan keluar dari dewan peperiksaan dalam tempoh tiga puluh (30) minit terakhir peperiksaan.

**PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH
UNIVERSITI ISLAM SELANGOR (PINDAAN 2024)**

- e) Pelajar hendaklah membawa serta mempamerkan kad pelajar dan slip kebenaran menduduki peperiksaan bagi kursus yang didaftarkan semasa menduduki peperiksaan.
- f) Pelajar mestilah menulis dengan jelas nombor pelajar, nama pelajar, tempat peperiksaan, tarikh, masa, nombor meja, kod kursus dan nama pensyarah pada ruang yang disediakan di slip kehadiran.
- g) Pelajar mestilah menulis dengan jelas nombor pelajar, program, semester, kumpulan, kod dan nama kursus, nama pensyarah dan apa-apa maklumat pada ruang yang disediakan di muka hadapan kertas soalan atau buku jawapan peperiksaan. Universiti tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kesilapan yang mungkin berlaku akibat kelalaian pelajar yang tidak mematuhi peraturan ini.
- h) Pelajar dilarang sama sekali meniru atau menipu dengan apa cara sekalipun semasa menduduki peperiksaan.
- i) Pelajar hendaklah berpakaian mengikut etika pemakaian yang ditetapkan oleh Universiti semasa di dalam dewan peperiksaan.
- j) Pelajar tidak dibenarkan membawa masuk semua peralatan elektronik atau sebarang peranti kecuali dengan kebenaran Ketua Pengawas.
- k) Pelajar tidak dibenarkan membawa sebarang nota dalam apa jua bentuk dan apa-apa bahan bercetak ke dalam dewan peperiksaan kecuali dengan kebenaran Ketua Pengawas.
- l) Peraturan am bagi peperiksaan dalam talian adalah tertakluk kepada Garis Panduan ePembelajaran UIS.

14.6 Penangguhan Peperiksaan

- 14.6.1 Universiti berhak menangguhkan peperiksaan sekiranya perlu dengan notis pemakluman kepada pelajar.
- 14.6.2 Universiti boleh meluluskan penangguhan peperiksaan bagi sesuatu kursus atas permohonan pelajar dalam keadaan-keadaan berikut:
 - (a) Pelajar yang sakit sewaktu peperiksaan boleh memohon penangguhan peperiksaan dengan pengesahan bertulis daripada Ketua Pengawas peperiksaan.
 - (b) Pelajar mempunyai masalah kesihatan dengan syarat, pelajar hendaklah mengemukakan surat cuti sakit yang disahkan oleh pegawai perubatan yang diiktiraf dari mana-mana klinik kesihatan atau hospital.
 - (c) Pelajar yang kematian ibu bapa atau penjaga atau suami atau isteri atau anak atau adik beradik dengan syarat, pelajar hendaklah mengemukakan salinan sijil kematian yang telah disahkan oleh Dekan/ Pengarah Fakulti/ Pusat/ Institut.
- 14.6.3 Permohonan atas sebab-sebab selain yang dinyatakan dalam Perkara 14.6.2 adalah tertakluk atas pertimbangan dan kelulusan Dekan/ Pengarah Fakulti/ Pusat/ Institut/.
- 14.6.4 Permohonan penangguhan hendaklah dibuat di Bahagian Pengurusan Akademik dengan mendapatkan sokongan pensyarah kursus dan Ketua Pascasiswazah Fakulti/ Pusat/ Institut serta kelulusan daripada Dekan/ Pengarah Fakulti/ Pusat/ Institut dalam tempoh tujuh (7) hari sebelum tarikh peperiksaan atau dua (2) hari selepas tarikh peperiksaan bagi kursus tersebut.

**PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH
UNIVERSITI ISLAM SELANGOR (PINDAAN 2024)**

- 14.7 Permohonan Semakan Semula Buku Jawapan Peperiksaan atau Kerja Kursus bagi mod Kerja Kursus dan Campuran.
- 14.7.1 Permohonan untuk menyemak semula buku jawapan peperiksaan atau kerja kursus hendaklah dibuat di Bahagian Pengurusan Akademik dalam tempoh tujuh (7) hari selepas keputusan peperiksaan diumumkan. Sebarang permohonan selepas tempoh ini tidak dipertimbangkan.
- 14.7.2 Sebarang permohonan bagi tujuan di atas akan dikenakan bayaran dan tidak boleh dituntut semula.
- 14.7.3 Apabila menerima sesuatu permohonan, Ketua Pascasiswazah bagi kursus yang berkenaan hendaklah melantik Pemeriksa Kedua bagi menyemak semula buku jawapan peperiksaan atau kerja kursus.
- 14.7.4 Setiap keputusan yang dibuat oleh pemeriksa kedua adalah muktamad.
- 14.8 Permohonan Rayuan Keputusan Peperiksaan Lisan bagi mod Penyelidikan dan mod Campuran
- Pelajar yang gagal boleh membuat rayuan terhadap keputusan peperiksaan lisan (*viva voce*) yang dikeluarkan oleh panel pemeriksa.
- 14.9 Rayuan Menduduki Peperiksaan Bagi Pelajar yang "Dihalang" (DHLG) bagi mod Kerja Kursus dan Campuran.
- 14.9.1 Pelajar yang gagal memenuhi syarat-syarat kehadiran seperti dalam keperluan Bahagian 12, Peraturan 12.1 boleh mengemukakan rayuan kepada pensyarah kursus berkenaan dalam tempoh tujuh (7) hari selepas Slip Kebenaran Menduduki Peperiksaan dikeluarkan.
- 14.9.2 Jika rayuan ditolak, calon dikehendaki mengulang semula kursus tersebut dalam sesi pengajian yang berikutnya.
- 14.9.3 Pelajar yang "Dihalang" (DHLG) akan diberi gred "F" (Gagal) di dalam Slip Keputusan Peperiksaan dan dikira dalam pengiraan PNG dan HPNG.

BAHAGIAN 15:
PENYERAHAN TESIS, DISERTASI DAN PELAKSANAAN PEPERIKSAAN LISAN (*VIVA VOCE*)

- 15.1 Penyerahan Tesis atau Disertasi untuk mod Penyelidikan dan Campuran
- 15.1.1 Pelajar perlu menghantar Tesis atau Disertasi untuk proses peperiksaan lisan (*viva voce*) ke Pusat Pengajian Siswazah dalam tempoh:
- a) Tiga (3) bulan selepas penyerahan notis serahan tesis/ disertasi untuk pelajar Ijazah Doktor Falsafah/ Sarjana (mod Penyelidikan)
 - b) Satu (1) bulan selepas penyerahan notis serahan tesis/ disertasi untuk Ijazah Sarjana (mod Campuran)
- 15.1.2 Penyerahan Tesis atau Disertasi untuk Pengesahan Senat:
- a) Pelajar perlu menghantar satu (1) salinan Disertasi atau Tesis jilid sementara untuk semakan format Penulisan Tesis Gaya UIS.
 - b) Pelajar perlu menghantar dua (2) salinan Disertasi atau Tesis jilid berkulit keras dan dua (2) salinan digital kepada Pusat Pengajian Siswazah.
- 15.2 Peperiksaan Lisan (*viva voce*)
- 15.2.1 Pelajar wajib menghadiri peperiksaan lisan (*viva voce*) untuk mempertahankan tesis atau disertasi di hadapan Jawatankuasa Peperiksaan Lisan. Penyelia dijemput sebagai pemerhati.

BAHAGIAN 16:
SISTEM PENILAIAN

- 16.1 Sistem Penilaian
- 16.1.1 Semua kursus berkecuali yang didaftarkan adalah diambil kira dalam pengiraan Purata Nilai Gred (PNG) dan Himpunan Purata Nilai Gred (HPNG) kecuali Fakulti/ Pusat/ Institut menetapkan sebaliknya dengan kelulusan Senat Universiti.
- 16.1.2 Mana-mana kursus yang mendapat gred "F" (Gagal) juga diambil kira untuk menentukan purata Nilai Gred (PNG) dan Himpunan Purata Nilai Gred (HPNG) bagi sesi berkenaan.
- 16.1.3 Gred bagi mana-mana kursus ulangan yang didaftarkan akan diambil kira dalam pengiraan HPNG berdasarkan yang terbaik di antara kursus yang didaftarkan sebelumnya dengan kursus yang diambil pada sesi terkini. Keputusan asal yang berkaitan akan dicatatkan di dalam transkrip.
- 16.1.4 Jam kredit bagi mana-mana kursus ulangan akan dikira sekali sahaja dalam pengiraan HPNG.
- 16.2 Purata Nilai Gred (PNG) pelajar akan ditentukan melalui Jumlah Nilai Gred (Nilai Gred x Jam Kredit) yang diperolehi pada sesi pengajian dibahagikan dengan Jumlah Jam Kredit bagi semua kursus yang diambil pada sesi pengajian tersebut:
- $$\text{PNG} = \frac{\text{Jumlah Nilai Gred Sesi Pengajian}}{\text{Jumlah Jam Kredit Sesi Pengajian}}$$
- 16.3 Himpunan Purata Nilai Gred (HPNG) ditentukan melalui Jumlah Nilai Gred (Nilai Gred x Jam Kredit) yang diperolehi pada keseluruhan sesi pengajian dibahagikan dengan Jumlah Jam Kredit semua kursus bagi keseluruhan sesi pengajian yang telah diambil:
- $$\text{HPNG} = \frac{\text{Jumlah Nilai Gred Keseluruhan Sesi Pengajian}}{\text{Jumlah Jam Kredit Keseluruhan Sesi Pengajian}}$$
- 16.4 Pengiraan PNG dan HPNG bagi pelajar yang membuat pertukaran program selepas sesi pertama pengajian seperti berikut:
- Jika pertukaran program dibuat dalam Fakulti/ Pusat/ Institut dan kandungan kursus program pengajian adalah sama, maka PNG dan HPNG pada program sebelum pertukaran akan dibawa ke program yang baharu.
 - Jika pertukaran program dibuat dalam Fakulti/ Pusat/ Institut yang sama tetapi kandungan kursus program pengajian adalah berbeza, maka PNG dan HPNG pelajar akan dikira semula.
 - Jika pertukaran program dibuat di antara Fakulti/ Pusat/ Institut yang berbeza, maka PNG dan HPNG pelajar akan dikira semula.
- 16.5 Pelajar yang gagal menyempurnakan kerja kursus bagi kursus yang ada peperiksaan akhir akan dikira gagal dan diberikan gred "F".
- 16.6 Pelajar perlu lulus dalam kedua-dua komponen penilaian iaitu penilaian berterusan dan penilaian akhir untuk mendapatkan status lulus bagi kursus yang diambil.
- 16.7 Pelajar dikehendaki mengemukakan laporan kemajuan pengajian selepas tamat sesi pengajian semasa.
- 16.8 Sistem penilaian bagi struktur pengajian penyelidikan adalah berdasarkan kepada laporan kemajuan dan peperiksaan lisan (*viva voce*).

BAHAGIAN 17:
PENILAIAN AKADEMIK

17.1 Penilaian Kursus

17.1.1 Pengesahan penilaian satu-satu kursus yang telah didaftarkan adalah tertakluk kepada pengesahan dan kelulusan Fakulti/ Pusat/ Institut dan diperakukan oleh Senat Universiti atas syor Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

17.1.2 Gred lulus minimum bagi satu-satu kursus adalah tertakluk kepada keperluan Fakulti/ Pusat/ Institut dengan kelulusan Senat Universiti.

17.2 Skema Penilaian Akademik

17.2.1. Penilaian Kursus secara umumnya adalah seperti berikut:

- a) Kerja kursus seperti esei, tugas, projek, kerja amali, pembentangan, ujian dan lain-lain bentuk penilaian yang ditetapkan oleh Fakulti/ Pusat/ Institut tidak kurang daripada 40% dan tidak lebih 60%; atau
- b) Kerja kursus 100%; atau
- c) Bentuk-bentuk lain penilaian mengikut keperluan kursus.

17.2.2. Penilaian Akhir secara umumnya adalah seperti berikut:

- a) Peperiksaan akhir adalah antara 30% hingga 60%; atau
- b) Bentuk-bentuk lain penilaian mengikut keperluan kursus.

17.2.3. Penilaian Penyelidikan secara umumnya adalah seperti berikut:

- a) Penilaian cadangan penyelidikan (*Proposal Defense*).
- b) Penilaian pemantapan draf akhir bagi pelajar Doktor Falsafah sahaja.
- c) Penilaian tesis atau disertasi dan peperiksaan lisan (*viva voce*).
- d) Bentuk-bentuk lain penilaian mengikut keperluan standard program.

17.3 Penilai peperiksaan lisan program Sarjana Penyelidikan adalah melibatkan sekurang-kurangnya dua (2) orang iaitu seorang (1) Penilai Dalam dan seorang (1) Penilai Luar dan perlu memenuhi syarat berikut:

- a) Berkelayakan Ijazah Doktor Falsafah atau Sarjana dengan pengalaman sekurang-kurangnya lima (5) tahun; dan/ atau
- b) Pemeriksa mesti mempunyai kelayakan minimum tidak kurang dari kelayakan penyelia; dan
- c) Pemeriksa tanpa kelayakan tersebut perlu mempunyai pengalaman dalam bidang dan disahkan oleh Senat Universiti; dan
- d) Mempunyai kepakaran dalam bidang yang berkaitan dengan disertasi/ tesis yang dinilai; dan
- e) Telah menyelia pelajar pada tahap yang relevan.
- f) Mempunyai penyelidikan dan penerbitan.

**PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH
UNIVERSITI ISLAM SELANGOR (PINDAAN 2024)**

- g) Pemeriksa mesti terlibat di dalam bidang penyelidikan dan telah menghasilkan penerbitan yang boleh dipercayai atau karya yang setara dengannya.
- h) Berpengalaman sebagai pemeriksa disertasi/ tesis atau penyelia pelajar Sarjana adalah diberi keutamaan.
- i) Pemeriksa dari industri boleh dilantik dan perlu memenuhi Perkara (c) dan (d).
- j) Tidak mempunyai pertalian persaudaraan yang rapat dengan pelajar dan juga penyelia pelajar.
- k) Tidak terlibat dengan kajian disertasi/ tesis yang dinilai atau dengan penyeliaan pelajar.
- l) Mesti dalam bidang kajian pelajar.

17.4 Penilai peperiksaan lisan program Ijazah Doktor Falsafah mod Penyelidikan adalah sekurang-kurangnya melibatkan dua (2) orang iaitu seorang (1) Penilai Dalam dan seorang (1) Penilai Luar dan perlu memenuhi syarat berikut:

- a) Berkelayakan sekurang-kurangnya Ijazah Doktor Falsafah.
- b) Mesti mempunyai kelayakan minimum tidak kurang dari kelayakan penyelia.
- c) Pemeriksa tanpa kelayakan tersebut perlu mempunyai pengalaman dalam bidang dan disahkan oleh Senat Universiti.
- d) Mempunyai kepakaran dalam bidang yang berkaitan dengan tesis yang dinilai.
- e) Pemeriksa telah menyelia pelajar pada tahap yang relevan.
- f) Pemeriksa mempunyai penyelidikan dan penerbitan.
- g) Pemeriksa mesti terlibat di dalam bidang penyelidikan dan telah menghasilkan penerbitan yang boleh dipercayai atau karya yang setara dengannya.
- h) Berpengalaman sebagai pemeriksa tesis atau disertasi atau penyelia pelajar Sarjana atau Doktor Falsafah adalah diberi keutamaan.
- i) Pemeriksa dari industri boleh dilantik dan perlu memenuhi Perkara (c) dan (d).
- j) Pemeriksa tidak mempunyai pertalian persaudaraan yang rapat dengan pelajar dan juga penyelia pelajar.
- k) Pemeriksa tidak terlibat dengan kajian tesis yang dinilai atau dengan penyeliaan pelajar.

17.5 Peperiksaan Lisan (*viva voce*)

17.5.1 Selepas peperiksaan lisan (*viva voce*), Panel Penilai akan menentukan pencapaian pelajar mengikut salah satu keputusan berdasarkan kategori berikut:

- a) Lulus tanpa pembetulan.
- b) Lulus dengan pembetulan tiga (3) bulan/ enam (6) bulan / sembilan (9) bulan
- c) Lulus dengan pembetulan dua belas (12) bulan dan mengulang peperiksaan lisan (*viva voce*).
- d) Gagal.

**PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH
UNIVERSITI ISLAM SELANGOR (PINDAAN 2024)**

- 17.5.2 Pelajar dikehendaki membuat pembedulan, menyerahkan kepada Penilai untuk pengesahan dan seterusnya diserahkan kepada Pusat Pengajian Siswazah dalam tempoh berikut:
- a) Lulus tanpa pembedulan (2 minggu).
 - b) Lulus dengan pembedulan tiga (3) bulan/ enam (6) bulan/ sembilan (9) bulan
 - c) Lulus dengan pembedulan dua belas (12) bulan dan ulang peperiksaan lisan (*re-viva*).
 - d) Gagal
- 17.5.3 Kegagalan pelajar membuat pembedulan tesis atau disertasi mengikut tempoh yang ditetapkan, pelajar akan diberi status Gagal dan diberhentikan.
- 17.5.4 Keputusan penilaian tesis atau disertasi dan peperiksaan lisan (*viva voce*) akan dimajukan kepada Jawatankuasa Pengajian Siswazah (JKPS) sebelum pengesahan dan Kelulusan Senat.
- 17.5.5 Markah, gred dan nilai gred kursus yang diberikan kepada program Sarjana dan Doktor Falsafah adalah seperti berikut:

BIL.	MARKAH	NILAI GRED	GRED	STATUS
1.	90 – 100	4.00	A	CEMERLANG
2.	80 – 89	3.67	A-	AMAT BAIK
3.	70 – 79	3.33	B+	BAIK
4.	60 – 69	3.00	B	LULUS
5.	55 – 59	2.67	B-	
6.	50 – 54	2.33	C+	GAGAL
7.	45 – 49	2.00	C	
8.	40 – 44	1.67	C-	
9.	35 – 39	1.00	D	
10.	0 – 34	0.00	F	

- 17.6 Status kursus yang diberikan kepada pelajar adalah:
- a) Status “SM” (Sedang Maju) iaitu gred sementara bagi sesuatu kursus atau projek yang melebihi satu semester untuk disiapkan. Jam kredit dan nilai gred bagi kursus atau projek tersebut akan diambil kira apabila Gred “SM” digantikan dengan gred sebenar.
 - b) Status “AU” (Audit) iaitu gred bagi sesuatu kursus yang diberikan kepada pelajar yang mendaftar kursus tanpa peperiksaan akhir.
 - c) Status “PK” (perubahan kod baru dan mendapat Pengecualian Kredit) iaitu gred bagi sesuatu kursus yang diberikan kepada pelajar yang mendapat pengecualian kredit, tertakluk kepada struktur pengajian program.
 - d) Status “PM” (Pemindahan Kredit) iaitu gred bagi sesuatu kursus yang diberikan kepada pelajar yang mendapat pemindahan kredit secara horizontal sahaja.
 - e) Status “L” atau “G” (Lulus atau Gagal) iaitu gred bagi sesuatu kursus yang diberi status "Lulus" atau "Gagal".
 - f) Status “TD” (Tarik Diri) iaitu gred bagi sesuatu kursus yang diberikan kepada pelajar yang menggugurkan kursus pada sesuatu sesi.
 - g) Status “TP” (Tanggung Pengajian) iaitu gred bagi sesuatu kursus yang diberikan kepada pelajar yang menangguh pengajian. Jam kredit, gred dan nilai gred tidak akan dikira pada semester tersebut.

**PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH
UNIVERSITI ISLAM SELANGOR (PINDAAN 2024)**

- h) Status “TY” (Tidak Hadir Peperiksaan Akhir Tanpa Izin) iaitu gred sementara bagi sesuatu kursus yang diberikan kepada pelajar yang tidak menduduki peperiksaan akhir tanpa izin. Gred “F” akan diberikan sebagai ganti Gred “TY” dan akan dikira dalam pengiraan PNG dan HPNG.
- i) Status “TX” (Tidak Hadir Peperiksaan Akhir Dengan Izin) iaitu gred sementara bagi sesuatu kursus yang diberikan kepada pelajar yang tidak dapat menduduki peperiksaan akhir atas alasan di bawah keperluan Bahagian 14, Peraturan 14.6.
- j) Status “I” (*Incomplete*) iaitu gred sementara yang diberikan kepada kursus yang penilaiannya belum lengkap.
- k) Status “SP” (*Suspended*) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang digantung pengajian.
- l) Status “REP” (*Repeat*) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang mengulang sesuatu kursus.

**BAHAGIAN 18:
TARAF KEDUDUKAN**

- 18.1 Taraf Kedudukan Lulus/ Gagal mod Penyelidikan
 - 18.1.1 Seseorang pelajar berada dalam taraf kedudukan lulus apabila menepati laporan kemajuan semester semasa.
 - 18.1.2 Seseorang pelajar berada dalam taraf kedudukan peringatan dan/ atau amaran apabila tidak menepati laporan kemajuan semester semasa.
 - 18.1.3 Seseorang pelajar berada dalam taraf kedudukan gagal apabila tidak mempamerkan pencapaian pada tahap yang diharapkan dan tidak dibenarkan meneruskan pengajian.

- 18.2 Taraf Kedudukan Lulus/ Gagal mod Kerja Kursus/ Campuran
 - 18.2.1 Seseorang pelajar berada dalam Taraf Kedudukan Lulus apabila mendapat Himpunan Purata Nilai Gred (HPNG) 3.00 hingga 4.00.
 - 18.2.2 Seseorang pelajar berada dalam Taraf Kedudukan Gagal apabila mendapat Himpunan Purata Nilai Gred (HPNG) 0.00 hingga 2.99.
 - 18.2.3 Taraf kedudukan lulus/ gagal untuk tesis/ disertasi adalah tertakluk kepada Perkara 18.1.

**BAHAGIAN 19:
RAYUAN AKADEMIK**

- 19.1 Sebarang rayuan akademik boleh dikemukakan secara bertulis kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik & Pengantarabangsaan) atau mana-mana pegawai yang diberikan kuasa olehnya untuk diputuskan.

**BAHAGIAN 20:
TATATERTIB AKADEMIK**

- 20.1 Pelajar dianggap melakukan Salah Laku Akademik jika:
- a) Memberi, menerima atau memiliki apa-apa maklumat berhubung dengan soalan penilaian akhir sebelum atau semasa penilaian akhir kursus tersebut dijalankan;
 - b) Mengambil, mengubah, menyembunyi, merosak atau memusnahkan apa-apa harta yang ada kaitannya dengan penilaian akhir;
 - c) Mengambil, mengubah, merosak atau memusnahkan apa-apa harta yang ada kaitan dengan proses pembelajaran dan pengajaran (PdP) dan penyeliaan;
 - d) Melakukan plagiat;
 - e) Memalsu atau memanipulasi apa-apa dokumen akademik; dan/ atau
 - f) Apa-apa perbuatan yang boleh dianggap melanggar peraturan akademik.
- 20.2 Sebarang Salah Laku Akademik akan dirujuk kepada bahagian yang menguruskan disiplin pelajar.
- 20.3 Pelajar dianggap melakukan Salah Laku Peperiksaan jika:
- a) Tidak mematuhi arahan Ketua Pengawas, Pengawas Peperiksaan atau Pegawai Peperiksaan;
 - b) Meminjam atau memberi pinjam alat atau apa-apa bahan daripada atau kepada calon lain;
 - c) Membawa masuk atau keluar sebarang buku jawapan peperiksaan dari atau ke dewan peperiksaan;
 - d) Datang lewat selepas tiga puluh (30) minit pertama atau keluar tanpa kebenaran pada tiga puluh (30) minit terakhir;
 - e) Tidak membawa Kad Pelajar dan Slip Kebenaran Menduduki Peperiksaan yang sah;
 - f) Tidak mematuhi peraturan pemakaian pelajar seperti yang ditetapkan dalam Peraturan Tatatertib dan Tarbiyah Pelajar UIS;
 - g) Meninggalkan meja peperiksaan tanpa kebenaran Pengawas Peperiksaan;
 - h) Berbincang, membuat bising atau melakukan sesuatu yang mengganggu atau menyebabkan gangguan kepada calon lain;
 - i) Menghantar maklumat atau jawapan kepada calon lain dengan apa cara sekalipun termasuk dengan menggunakan bahasa isyarat;
 - j) Membawa sebarang bentuk nota, bekas alat tulis, sarung mesin kira-kira atau peranti elektronik dan bukan elektronik atau sebarang peranti lain yang ada hubungannya dengan peperiksaan dalam apa jua cara ke dalam dewan peperiksaan;
 - k) Meniru, cuba meniru, bertingkah laku yang boleh ditafsirkan sebagai meniru, membolehkan orang lain meniru atau memberi tiru secara bersemuka atau penilaian akhir secara dalam talian.
 - l) Mula menjawab soalan peperiksaan sebelum waktu yang ditetapkan atau masih menulis selepas waktu peperiksaan tamat.

**PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH
UNIVERSITI ISLAM SELANGOR (PINDAAN 2024)**

20.4 Tindakan ke atas Salah Laku Semasa Peperiksaan

- 20.4.1 Ketua Pengawas, Pengawas, Pegawai Peperiksaan atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh menghalang pelajar dari memasuki dewan peperiksaan atau meneruskan peperiksaan kepada calon yang melakukan mana-mana kesalahan seperti dalam Perkara 20.3.
- 20.4.2 Ketua Pengawas atau Pegawai Peperiksaan atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh mengambil sebarang bahan bukti daripada calon yang melakukan mana-mana kesalahan seperti dalam Perkara 20.3.
- 20.4.3 Dalam menentukan tindakan kes salah laku peperiksaan, Ketua Pengawas hendaklah menyediakan laporan lengkap beserta bukti mengenai kesalahan yang dilakukan untuk dikemukakan kepada bahagian yang menguruskan disiplin pelajar.

20.5 Hukuman bagi Kesalahan Tatatertib Akademik

- 20.5.1 Jawatankuasa Tatatertib Pelajar boleh bersidang bagi membicarakan kes salah laku pelajar.
- 20.5.2 Seseorang pelajar yang telah disabitkan bersalah atas satu atau lebih kesalahan tatatertib boleh dikenakan mana-mana satu atau lebih hukuman yang berikut:
- a) Diberi amaran secara bertulis;
 - b) Didenda seperti yang ditetapkan di dalam Peraturan Tatatertib dan Tarbiyah Pelajar UIS;
 - c) Digantung daripada pengajian dan ditarik balik kemudahan sebagai seorang pelajar;
 - d) Dihalang daripada menyertai/ terlibat dengan sebarang aktiviti Universiti dalam tempoh yang ditentukan;
 - e) Dibatalkan keputusan bagi kursus yang diambil pada sesi tersebut;
 - f) Dibatalkan keputusan bagi keseluruhan kursus yang diambil pada sesi tersebut;
 - g) Diberhentikan dari Universiti; dan/ atau
 - h) Apa-apa hukuman yang wajar berdasarkan keputusan Jawatankuasa Tatatertib Pelajar.
- 20.5.3 Sebarang rayuan boleh dikemukakan secara bertulis kepada Naib Canselor sepertimana ketetapan di dalam Peraturan Tatatertib dan Tarbiyah Pelajar UIS.

**BAHAGIAN 21:
PENGANUGERAHAN**

21.1 Penganugerahan Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah mod Penyelidikan

21.1.1 Pelajar mestilah memenuhi semua syarat berikut:

- a) Lulus peperiksaan lisan (*viva voce*) dan membuat segala pembedulan;
- b) Diperakukan oleh Senat Universiti; dan
- c) Pembentangan sekurang-kurangnya satu (1) kertas kerja di seminar, kolokium atau lain-lain platform pembentangan (dengan penerbitan/ tanpa penerbitan); dan
- d) Penerbitan sekurang-kurangnya;
 - i) Pelajar Ijazah Sarjana (mod Penyelidikan dan Campuran) perlu menerbitkan sekurang-kurang satu (1) artikel atau makalah dalam jurnal berwasit yang relevan dengan bidang kajian sebagai penulis pertama (utama).
 - ii) Pelajar Ijazah Doktor Falsafah perlu menerbitkan sekurang-kurang dua (2) artikel atau makalah dalam jurnal berwasit.
- e) Memenuhi syarat-syarat lain yang ditentukan oleh Universiti.

21.2 Penganugerahan Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah mod Campuran

21.2.1 Pelajar mestilah memenuhi semua syarat berikut:

- a) Mencapai minimum HPNG 3.00;
- b) Melengkapkan kesemua keperluan kursus bagi program yang diikuti; dan
- c) Lulus peperiksaan lisan (*viva voce*) dan membuat segala pembedulan;
- d) Diperakukan oleh Senat Universiti; dan
- e) Memenuhi syarat-syarat lain yang ditentukan oleh Universiti.

21.3 Penganugerahan Ijazah Sarjana mod Kerja Kursus

21.3.1 Pelajar mestilah memenuhi semua syarat berikut:

- a) Mencapai minimum HPNG 3.00; dan
- b) Melengkapkan kesemua keperluan kursus bagi program yang diikuti; dan
- c) Diperakukan oleh Senat Universiti; dan
- d) Memenuhi syarat-syarat lain yang ditentukan oleh Universiti.

21.4 Transkrip Akademik

21.4.1 Pelajar boleh mendapatkan pengesahan Transkrip Sebahagian di Bahagian Pengurusan Akademik apabila:

- a) Tamat sesuatu program pengajian sebelum diperakukan oleh Senat Universiti; atau
- b) Berhenti dari Universiti pada mana-mana semester kecuali semester pertama (1); atau

**PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH
UNIVERSITI ISLAM SELANGOR (PINDAAN 2024)**

- c) Telah menduduki peperiksaan pada mana-mana semester;
- d) Menjelaskan semua yuran yang tertunggak dengan Universiti;
- e) Menjelaskan semua bentuk bayaran ganti rugi, denda atau kompaun yang dikenakan; dan
- f) Memulangkan semua bentuk harta Universiti yang dipinjam.

21.4.2 Transkrip Penuh hanya dikeluarkan bersama-sama dengan Sijil Akademik (skrol) Universiti apabila pelajar tamat sesuatu program pengajian selepas diperakukan oleh Senat Universiti.

21.4.3 Pelajar yang kehilangan Transkrip Penuh boleh mendapatkan salinan baharu di Bahagian Pengurusan Akademik dengan menyertakan satu salinan laporan polis beserta bayaran pemprosesan yang ditetapkan oleh UIS.

21.4.4 Pelajar yang berkeperluan mendapatkan cabutan Transkrip Penuh boleh mendapatkan salinan baharu di Bahagian Pengurusan Akademik dengan menyertakan surat bertulis daripada pihak berkaitan beserta bayaran pemprosesan yang ditetapkan oleh UIS.


**PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH
UNIVERSITI ISLAM SELANGOR (PINDAAN 2024)**

**BAHAGIAN 22:
PERUNTUKAN-PERUNTUKAN AM**

- 22.1 Universiti boleh dengan kelulusan Senat Universiti membuat kaedah-kaedah bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Peraturan Akademik ini.
- 22.2 Pemansuhan
Peraturan Akademik Pascasiswazah Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Pindaan 2018) dengan ini dimansuhkan.
- 22.3 Kecualian dan Peralihan
Semua kaedah, pengisytiharan, perintah, pemberitahuan, notis, borang, surat kebenaran dan pelantikan yang dikeluarkan atau dibuat di bawah dan menurut kuasa mana-mana peruntukan undang-undang bertulis yang telah pun dimansuhkan menurut kuasa oleh Peraturan Akademik ini hendaklah terus berkuatkuasa, setakat yang tidak bertentangan dengan Peraturan Akademik ini, sehingga dibatal atau diganti oleh peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, pengisytiharan, perintah, pemberitahuan, notis, borang, surat kebenaran, atau pelantikan yang dikeluarkan atau dibuat di bawah Peraturan Akademik ini.
- 22.4 Universiti berhak dengan kelulusan Senat Universiti membuat pindaan mana-mana bahagian bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Peraturan Akademik ini.

Peraturan ini diluluskan melalui MESYUARAT SENAT BIL. 129/2024 pada 05 Ogos 2024 dan berkuatkuasa pada Sesi Pengajian I Tahun Akademik 2024/2025.

Disahkan dan Diluluskan Oleh :



.....

NAIB CANSELOR UNIVERSITI

Tarikh : **27 SEP 2024**

PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH
UNIVERSITI ISLAM SELANGOR (PINDAAN 2024)

LAMPIRAN 1

SENARAI AHLI PENYEMAK
PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH UIS PINDAAN 2024

BIL.	NAMA
1	Profesor Madya Dr. Zetty Nurzuliana binti Rashed
2	Puan Rohaiza binti Mat Noh
3	Profesor Madya Dr. Hairol Anuar bin Mak Din
4	Profesor Madya Dr. Nor'Adha binti Abdul Hamid
5	Profesor Madya Dr. Phayilah Yama
6	Dr. Rosni binti Wazir
7	Dr. Khairul Anuar bin Ahmad
8	Dr. Norfaizah binti Othman
9	Dr. Juzlinda binti Mohd Ghazali
10	Dr. Sapie bin Sabilan
11	Dr. Mohd Kamarul Khaidzir bin Saadan
12	Dr. Sarifah binti Ismail @ Manja
13	Dr. Nazneen binti Ismail
14	Dr. Mohd Musa bin Sarip
15	Dr. Noor Aimi binti Mohamad Puad
16	Dr. Roslinda binti Ramli
17	Dr. Kamarulnizam bin Sani
18	Dr. Rosfazila binti Abd Rahman
19	Dr. Maad bin Ahmad
20	Dr. Noor Raudhiah binti Abu Bakar
21	Dr. Nurzatil Ismah binti Azizan
22	Dr. Fakhri bin Sungit
23	Dr. Noor Suhaila binti Shahrudin
24	Puan Siti Norain binti Zakaria
25	Encik Muhammad Zuhdi bin Jasman
26	Encik Ahmad Affandi bin Abdul Aziz
27	Puan Aliah binti Zulkifli
28	Puan Suhaila binti Seman
29	Encik Wan Muhammad Akhyar bin Ab Shatar
30	Puan Siti Munirza binti Mohd Suit
31	Encik Junaidi bin Affandi